

Isnin, 8 Julai 2019 | 6:53pm



CHONG Chieng Jen

## Had tuntutan tribunal naik RM50,000

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman  
wananwar@bh.com.my

**KUALA LUMPUR:** Dewan Rakyat hari ini meluluskan Rang Undang-undang (RUU) Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2019 yang bertujuan meluaskan kuasa Tribunal Tuntutan Pengguna (TTP) dengan menaikkan jumlah tuntutan 100 peratus, daripada RM25,000 kepada RM50,000.

RUU yang dibentangkan Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Chong Chieng Jen itu, diluluskan sebulat suara selepas dibahaskan lebih lima jam oleh 16 Ahli Parlimen mewakili kerajaan dan pembangkang.

Timbalan Speaker Dewan Rakyat, Nga Kor Ming mengumumkan RUU itu diluluskan selepas bacaan kali ketiga dan tanpa bantahan Ahli Dewan Rakyat.

TTP ialah badan adjudikasi bebas yang ditubuhkan mengikut Seksyen 85, Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599) dan mula berkuat kuasa pada November 1999.

Ketika diperkenalkan, akta itu membenarkan pengguna membuat tuntutan kepada mana-mana individu atau syarikat berhubung aduan membabitkan barang yang dibeli atau perkhidmatan yang diberikan, selagi tuntutan berkenaan tidak melebihi RM25,000.

Dengan pindaan ini, pengguna kini boleh membuat tuntutan kepada individu atau syarikat jika berlaku penipuan atau penyelewengan terhadap barang atau perkhidmatan yang dibayar.

Ketika menggulung perbahasan RUU berkenaan, Chieng Jen berkata, pindaan itu turut meningkatkan hukuman kepada mana-mana yang tidak mematuhi arahan tribunal menerusi nilai penalti maksimum.

“Dari sudut tribunal, kementerian berusaha sebaik untuk membela kepentingan pengguna dan percaya masih ada ruang untuk penambahbaikan.

“Malah pindaan ini juga bertujuan memastikan kewujudan tribunal ini terus relevan dalam mengendalikan kes tuntutan yang berpatutan.

“Pindaan ini dengan meningkatkan jumlah tuntutan diharap memberi kesedaran kepada penjual untuk lebih bertanggungjawab dalam urusan jual beli, dapat mengurangkan penipuan dan membela nasib pengguna,” katanya.

Terdahulu, ketika membentangkan RUU berkenaan, Chieng Jen berkata, usaha kementeriannya meminda akta itu sebagai langkah bagi menangani kes penipuan dalam urus niaga dalam talian yang menunjukkan peningkatan.

“Kes penipuan dalam talian menduduki tempat kedua bagi kategori aduan pengguna diterima kementerian dalam tempoh setahun ini. Penipuan atas talian sekarang mencecah antara 23 hingga 24 peratus,” katanya.

Sesi perbahasan menyaksikan wakil kerajaan dan pembangkang sepakat bahawa penipuan jualan dalam talian pada masa ini semakin berleluasa.

Akmal Nasrullah Mohd Nasir (PH-Johor Bahru) meminta kementerian memantau peniaga yang cuba melarikan diri selepas menipu pengguna termasuk dengan membuka perniagaan baharu.

Beliau memberi contoh di sebuah negara jiran yang mana pihak berkuasanya melarang sesebuah syarikat yang terbabit menipu pengguna ditubuhkan semula menggunakan nama lain.

Wong Hon Wai (PH-Bukit Bendera) pula berkata kerajaan perlu melihat contoh negara luat bagaimana menguruskan isu perlindungan pengguna.

Ahli Parlimen turut membangkitkan mengenai iklan pelbagai jenis ubat dalam talian yang berbahaya kepada pengguna dan tidak disahkan kesahihannya.